

KENYATAAN MEDIA
MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR (NRE)

21 APRIL 2016



KEADAAN BERJEREBU DI LEMBAH KLANG

Keadaan berjeribu yang dialami di Lembah Klang adalah disebabkan oleh asap kebakaran yang berlaku di beberapa kawasan di Semenanjung Malaysia termasuk kebakaran hutan tanah gambut di Daerah Kuala Langat dan Daerah Sepang, Selangor serta pelepasan dari kenderaan bermotor dan pelepasan dari industri di Lembah Klang. Cuaca panas dan kering juga telah menyebabkan pencemar udara terapung di udara dan memburukkan lagi keadaan jerebu semalam dan hari ini. Kes-kes kebakaran yang berlaku sedang giat dipadamkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat dan keadaan kebakaran adalah terkawal.

Pada masa kini, tiada pengaruh jerebu merentas sempadan kerana negara masih berada dalam musim peralihan monsun yang dijangkakan sehingga pertengahan bulan Mei 2016.

Sementara itu, bacaan Indeks Pencemar Udara (IPU) pada jam 3.00 petang hari ini menunjukkan status kualiti udara 'tidak sihat' iaitu IPU melebihi 100 di beberapa kawasan di Lembah Klang disebabkan oleh pencemar ozon aras bumi (O_3). Keadaan cuaca panas terik dan peningkatan pencemar oksid-oksida nitrogen (NO_x) dan Sebatian Organik Meruap (Volatile Organic Compound, VOC) telah menyumbang kepada peningkatan IPU ini.

Berdasarkan laporan oleh Jabatan Meteorologi Malaysia sehingga 20 April 2016, Daerah Klang dan Kuala Selangor, Selangor telah tidak mengalami hujan selama 8 hari berturut-turut.

Bacaan IPU terkini setiap jam boleh dirujuk di laman web Jabatan Alam Sekitar (JAS) di alamat url, <http://apims.doe.gov.my/v2/> atau dengan memuat turun aplikasi telefon pintar rasmi MyIPU di 'Google Play' .

NASIHAT KEPADA ORANG RAMAI

Semua pihak terus diingatkan agar tidak melakukan pembakaran terbuka atau membiarkan tanah atau premis kepunyaan mereka dimasuki atau dicerobohi oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab sehingga menyebabkan pembakaran terbuka untuk tujuan tertentu atau dengan tidak sengaja.

Menurut Seksyen 29(A), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, mereka yang disabitkan dengan kesalahan melakukan pembakaran terbuka boleh dikenakan denda tidak melebihi RM 500,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya sekali. Kompaun maksimum sebanyak RM 2000 juga boleh dikenakan atas setiap kesalahan.

Orang ramai juga diminta bekerjasama untuk memadam kebakaran-kebakaran kecil dan juga melaporkan kes-kes pembakaran terbuka atau kebakaran kepada Jabatan Perkhidmatan Bomba dan Penyelamat di talian **999** dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) di talian bebas tol, **1-800-88-2727**.

Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar

21 April 2016